

B) SOALAN LAZIM BERKAITAN BADAN PENGAMAL DITETAPKAN

1. Perlukah saya berdaftar dengan suatu badan pengamal yang berkaitan dengan bidang amalan saya?

Keahlian dalam sesuatu badan pengamal yang merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation – NGO*) merupakan urusan peribadi dan tidak tertakluk di bawah kuasa Majlis PT&K. Walau bagaimanapun, sesiapa yang ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf wajib berdaftar dengan Majlis PT&K apabila pendaftaran dibuka kelak.

2. Apakah badan pengamal ditetapkan?

Berdasarkan Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Penetapan Badan Pengamal) 2017 yang diwartakan pada 28 Julai 2017 dan dikuatkuasakan bermula 1 Ogos 2017, badan pengamal ditetapkan adalah seperti di bawah:

| Bidang Amalan Diiktiraf | Badan Pengamal Ditetapkan |
|--------------------------------|---|
| Perubatan tradisional Melayu | Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia |
| Perubatan tradisional Cina | Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia (<i>Malaysian Chinese Medical Association</i>) |
| Perubatan tradisional India | Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (<i>Malaysian Association of Traditional Indian Medicine</i>) |
| Homeopati | Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia (<i>Malaysian Medical Homeopathic Council</i>) |
| Kiropraktik | Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia (<i>Federation of Complementary and Natural Medical Associations, Malaysia</i>) |
| Osteopati | |
| Pengubatan Islam | Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia |

3. Mengapa sebelum penguatkuasaan Akta PT&K 2016 [Akta 775] terdapat lapan (8) badan pengamal yang dilantik oleh KKM, namun selepas penguatkuasaan Akta PT&K 2016 hanya terdapat enam (6) badan pengamal yang ditetapkan sahaja?

Majlis PT&K telah bersetuju untuk menetapkan hanya satu badan pengamal sahaja dilantik untuk mewakili satu bidang amalan yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, untuk bidang amalan Kiropraktik dan Osteopati, kedua-dua bidang amalan tersebut diwakili oleh satu badan pengamal ditetapkan iaitu Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia. Ini kerana Kiropraktik dan Osteopati tergolong di bawah amalan terapi Komplementari.

4. Apakah fungsi wakil badan pengamal dalam Majlis PT&K?

Menurut seksyen 43 Akta PT&K 2016, badan pengamal boleh:

- (a) Menjalankan mana-mana fungsi yang diwakilkan kepadanya oleh Majlis PT&K
- (b) Menyediakan apa-apa maklumat yang berkaitan daripada badan pengamal seperti yang diminta oleh Majlis PT&K
- (c) Menjalankan perintah dan arahan berkenaan dengan pelaksanaan fungsi seperti yang telah diwakilkan oleh Majlis PT&K.